

# *Al-Qur'ān al-Karīm* Pusat Kebudayaan Dunia

## Sejarah Perkembangan Tafsir

Apa takrif “tafsīr” menurut istilah Islam, bagaimana pula perbezaan “tafsīr” dengan “ta’wīl” dan apa pula pokok pakaian dalam mentafsirkan *al-Qur’ān*? Semuanya ini dihuraikan oleh al-Fāḍil Tengku Muhammad Hasbī Al-Siddiqī dalam karangannya yang kami ambil patinya seperti yang berikut:

\*\*\*

“Tafsīr itu ialah: menghuraikan *al-Qur’ān*, menerangkan maknanya dan menjelaskan apa yang dikehendakinya, dengan nasnya, atau dengan isyaratnya atau dengan tujuannya” -demikian kata al-Kulbī di dalam “al-Tashīl”.

Al-Zarkashī di dalam kitabnya “Al-Burhān pula berkata: “Tafsīr itu ialah: menerangkan makna-makna *al-Qur’ān* dan mengeluarkan hukum-hukumnya dan hikmat-hikmatnya”.

Pengarang kitab “al-Taujīh” pula menjelaskan: “Tafsīr itu pada hakikatnya, ialah: menghuraikan lafaz yang sukar difahamkan oleh pendengar dengan huraian yang menjelaskan maksud. Yang demikian itu ada kalanya dengan menyebut muradifnya (kata-kata yang bersamaan – P.), atau yang mendekatinya, atau ia mempunyai petunjuk kepadanya melalui salah satu jalan petunjuk.”

Tafsir itu diambil dari “Riwayat” dan “dirāyah”, yakni dari ilmu lughah, nahu, ṣaraf, ilmu balaghah, usūl al-fiqah, qirā’āt dan dari ilmu asbāb al-nuzūl serta nāsikh dan mansūkh.

Tujuan atau “ghāyah” dari mempelajari tafsir itu ialah: memahami makna-makna *al-Qur’ān*, hukuman-hukumannya, hikmah-hikmahnya, akhlakunya dan petunjuknya yang lain bagi memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat. Maka dengan demikian nyatalah, bahawa “faedah” yang kita dapati dari mempelajari tafsir, ialah: “terpelihara dari salah memahami

*al-Qur’ān*. Sedang “maksud” yang diharap dari mempelajarinya, ialah: mengetahui petunjuk-petunjuk *al-Qur’ān* hukuman-hukumannya dengan cara yang tepat.”

### Perbezaan tafsīr dengan takwīl.

Tafsīr ialah menerangkan dan menyatakan. Perkataan “tafsīr” diambil dari kata “tafsīrah” iaitu alat yang digunakan oleh tabib bagi mengetahui penyakit orang yang sakit.

Takwīl, diambil dari kata “‘awal” yang bermakan kembali dan berpaling. Ada juga yang mengatakan diambil dari kata “‘ayal” yang bererti “memalingkan”, yakni memalingkan ayat dari makna yang zahir kepada suatu makna yang dapat diterima olehnya.

Ahli-ahli al-Tafsīr telah berselisihan pendapat dalam meletakkan tafsīr dan takwīl.

Abū ‘ubaidah berkata: tafsīr dan takwīl itu satu maknanya. Pengertian demikian dibantah oleh segolongan ulama. Diantaranya Abū Bakr ibn Ḥabīb al-Nisābūrī.

Al-Rāgib Al-Isfahānī pula berkata: tafsīr, lebih am daripadatakwīl dan lebih banyak dipakai mengenai kata-kata tunggal. Sedangtakwīl itu pula lebih banyak dipakai mengenai makna dan susunan ayat.

Setengah ahli al-Tafsīr pula menjelaskan: tafsīr

itu menerangkan makna lafaz yang tidak menerima banyak

makna.takwilitu pula menetapkan makna yang dikehendaki oleh sesuatu lafaz yang dapat menerima banyak makna kerana ada dalil-dalil yang menghendaki demikian itu.

Abū Tālib Al-Tha‘ālabī pula berkata: tafsīr ialah menerangkan lafaz, iaitu makna hakikatnya atau makna majāzinya, seperti: mentafsirkan makna “Al-Şirāt” dengan “jalan”, dan “Al-Şayyib” dengan “hujan”.takwilpula ialah: mentafsirkan batin lafaz. Jadi, tafsīr: bersifat menerangkan “dalil yang dikehendaki” sedang ta’wīl: menerangkan “hakikat yang dikehendaki”.

Misalnya firman Allāh Ta‘ala: *In rabbaka labi al-mirşād*”, (bahawasanya Tuhanmu itu sungguh selalu memerhatikan kamu) – 14, *al-Fajr*.

Tafsīrnya, ialah: bahawasanya Allah sentiasa memerhatikan hambanya. Adapun ta’wīlnya, ialah: mempertakutkan manusia dari lalai, dari lengah mempersiapkan persiapan yang mustahak.

Ada juga ulama yang menerangkan, bahawa sesuatu yang jelas diterangkan dalam *al-Qurān*, atau *al-Sunnah*, itulah yang dinamai tafsīr. Dan tidak boleh bagi seseorang menjalankan ijihadnya lagi mengenai ayat-ayat, atau sunnah-sunnah yang telah terang tegas itu. Dan sesuatu yang diistanbātkan oleh ulama yang mengetahui makna kalam Allāh dan mengetahui baik ilmu-ilmu alat, itulah yang dinamai takwīl.

Segolongan pula berkata: tafsīr, berpaut dengan “riwayat” sedang takwil berpaut dengan “dirāyah”. Hal ini mengingatkan bahawa tafsir dilakukan dengan apa yang “ditekalkan” dari sahabat, sedang takwīl “difahamkan” dari ayat dengan menggunakan undang-undang bahasa Arab.

Misalnya firman Allāh Ta‘āla”: “*wa yakhruju al-ḥayya min al-mayyit*” (dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati).

Maka jika kita katakan bahawa yang dikehendaki oleh ayat ini: mengeluarkan burung dari telur, dinamailah tafsīr. Dan jika dikatakan bahawa yang dikehendaki mengeluarkan yang alim dari yang bodoh, atau yang beriman dari yang kafir, dinamailah ta’wīl.

Al-Baghwī pula berkata: “Tafsir itu ialah: memperkatakan sebab-sebab turun ayat, keadaannya, kisah-kisahnyanya. Maka mengenai ini tiada diharuskan kita mempergunakan selain dari sam‘i (pendengawan – nukilan) sahaja, sesudah dibenarkan datangnya nukilan itu dengan jalan akal. Adapun takwīl, maka ialah: memalingkan ayat kepada sesuatu makna yang sesuai dengan makna yang sebelumnya dan makna sesudahnya yang diterima pula yang demikian itu oleh ayat, serta tiada bersalahan dengan sesuatu ayat atau sunnah, yang dikhaskan oleh istibnāt”.

Sebagai penutup takrif ini, kami terakan apa yang telah dikemukakan oleh al-Sheikh Abdul Qadir al-Maghribī dalam bukunya “*al-Akhlāqu Wa al-Wājibāt*”:

“Tafsīr itu ialah: tersembunyi makna ayat kepada sebahagian pendengar, maka apabila engkau syarahkan lafaz-lafaznya dari segi lughah, nahu dan balaghah, fahamlah pendengar itu dengan baik dan tenanglah hatinya kepada makna tersebut. adapun takwil, maka ialah sesuatu ayat itu mempunyai beberapa makna. Maka setiap engkau sebut satu makna demi satu makna, dia (si pendengar itu) ragu-ragu, tidak tahu mana yang hendak dipilihnya Kerana inilah takwil itu banyak kali dipakai pada ayat-ayat *mutashābihat*, sedang tafsīr itu pula banyak kali dipakai pada ayat-ayat *muhkamāt*.”

Ayat-ayat *mutashābihat*”, ialah: ayat-ayat yang tidak terang maknanya. Adapun ayat-ayat “*muhkamāt*” ialah: ayat-ayat yang terang bagus pengertian yang dimaksudkannya.

Maka kebanyakan takwil dilakukan oleh ahli-ahli tafsīr, mengenai ayat-ayat *mutashābihat*. Sedang ayat-ayat *muhkamāt*

tidak berkehendakkan takwil, cukuplah dengan tafsīr sahaja.

Ayat-ayat *mutashābihat*, sebenarnya, tiada berapa banyak dalam pandangan ulama salaf dan ulama *muqtadimīn* (dalam zaman sahabat dan tabi'īn dahulu – P.), kerana mereka mempunyai kesanggupan memahaminya. Pada masa dahulu yang dipandang *mutashābihat* hanyalah yang diterangkan oleh *al-Qur'ān* bahawa ayat itu *mutashābihāt*. Ada pun pada masa yang akhir ini, setelah kekuatan memaham bahasa Arab sudah jauh berkurang, maka bilangan ayat *mutashābihat* itu menjadi banyak. Mustahak rasanya disebut bahawa ayat-ayat *mutashābihat* itu adalah mengenai soal kepercayaan dan urusan akhirat, tidak ada yang mengenai urusan keduniaan.

Menurut ahli-ahli ilmu *al-bayān*, bahawa tafsir itu ialah: menghilangkan kemusykilan faham pada sesuatu perkara yang diperkatakan, dengan menambah perkataan.

Demikian makna “tafsir” dan “ta’wīl” dan dan demikianlah perbezaannya.

Adapun yang dinamai “ilmu tafsīr” itu ialah: “ilmu yang menerangkan tentang hal nuzūl. (turunnya) ayat, keadaan-keadaannya, kisah-kisahannya, sebab-sebab turunnya, tertib Makiyyahnya (susunan surah-surah Qur’an yang diturunkan di Mekah – P.), tertib Madaniyyahnya (yang diturunkan di Madinah – P.), hukumnya, *mutashābihatnya*; nasikhnya, mansukhnya; khas, amnya; muṭlaqnya, muqīdnya; majmulnya, mufsilnya; halalnya, haramnya; wa’adnya, wa’idnya; amarnya, nahīnya; iktibarnya dan misal-misalnya.

Abū Ḥiyān dalam “*Al-Baḥru Al-Muhīt*”, berkata: “ilmu tafsīr itu ialah suatu ilmu yang dibahaskan di dalamnya cara menuturkan (membunyikan) lafaz-lafaz *al-Qurān*, madlūl-madlūlnya, hulum-hukumnya, baik mengenai kata-kata tunggal mahupun mengenai kata-kata tarkib (yang bersusun – P.) dan makna-maknanya yang dipertanggungkan atasnya keadaan susunan, dan beberapa kesempurnaan bagi yang demikian, seperti

mengetahui nasikh mansūkh, sebab turunnya ayat-ayat, kisah-kisah yang menyatakan apa yang tidak terang di dalam *al-Qur'ān*, dan lain-lain yang mempunyai perhubungan rapat dengan dia.”

Maka “mansukh” ilmu tafsīr itu ialah” “*al-Qur'ān*”. Dengan dialah berpaut penjelasan dan penerangan serta pembahasnya, baik mengenai tururannya (nazamnya), mahu pun mengenai maknanya.

### **Pokok pegangan dalam mentafsirkan *al-Qur'ān***

Pokok pegangan dalam mentafsirkan *al-Qur'ān* ialah:

1. Hadis dan ‘athar
2. Kaedah bahasa Arab dan uslub-uslubnya

Seseorang yang hendak mentafsirkan sesuatu ayat Quran, hendaklah ia mencari tafsir ayat tersebut di dalam Quran sendiri. Kerana kerap kali ayat-ayat itu bersifat ringkas pada suatu tempat, sedang penjelasannya terdapat ditempat lain. Yakni hendaklah ayat lebih dahulu ditafsirkan (dicari tafsir dari) dengan ayat sendiri. Kerana yang lebih mengetahui kehendak Tuhan dengan ayat-ayatnya, hanyalah Tuhan sendiri. Jika tiada ayat yang dapat dijadikan tafsir bagi ayat itu, periksalah Al-Sunnah (Hadis). Mudah-mudahan kita akan menjumpai tafsir ayat yang kita kehendaki di dalam kitab-kitab hadis itu.

Sesudah itu hendaklah ahli-ahli tafsir memeriksa pandangan sahabat, kerana mereka lebih mengetahui maksud-maksud ayat Quran disebabkan mereka mendengar sendiri dari mulut Rasulullah (SAW) dan menyaksikan sendiri sebab-sebab turunnya, serta suasana yang mengelilingi turunnya ayat itu.

Ibnu Taimiyyah berkata: “Wajib kita yakin, bahawa Nabi (SAW) telah menerangkan kepada sahabat-sahabat akan makna-makna *al-Qur'ān*”

Sahabat-sahabat Nabi mengetahui bahasa Arab. Mudah benar bagi mereka memahami *al-Qur'ān*. Mereka tiada berhajat kepada tafsir orang lain.

Al-Zarkashī pula berkata: “seseorang yang hendak menafsirkan *al-Qur’ān*, hendaklah memeriksa lebih dahulu akan Riwayat, lalu mengambil mana yang sah. Sesudah itu hendaklah ia memeriksa perkataan sahabat. Kemudian dari itu baharulah ia berpegang kepada undang-undang ilmu bahasa dan baharulah ia menafsirkan menurut makna yang dikehendaki oleh ilmu bahasa itu.”

Lebih jelas bagi mengetahui bagaimana kita berpedoman dalam mentafsir Quran, perhatikanlah huraian al-hāfiz ‘Imād al-Dīn Abū Al-Fida` Isma‘il ibnu Kathir al-Qursī Al-Damshiqī, dalam tafsirnya, ujamnya:

“Jika seorang berkata: mana jalan tafsir yang baik sekali? Saya jawab”

Jalan yang baik sekali ditempuh, ialah menafsirkan Al-Qur’ān dengan Al-Qur’ān. Kerana apa yang “dijamalakan” (diringkaskan) di sesuatu tempat, telah dijelaskan di tempat yang lain. Jika engkau tidak memperolehnya, hendaklah engkau mencari al-sunnah, kerana al-sunnah itu penashrih *al-Qur’ān* dan penjelasnya. Al-Imām Al-Shafi‘ī berkata: tiap-tiap sesuatu hukum yang ditetapkan oleh Rasulullah (SAW) adalah demikian itu dari apa yang ia fahamkan dari *al-Qur’ān*. Firman Allāh Subhānu *Wata‘alā: Innā anzalnā ‘ilaika al-kitāba bi al-haqqi litahkuma baina al-nās bimā arāka Allāhu wa lā takunu li al-khā’inīna khašimā* – (Bahawasanya kami telah menurunkan kepada engkau al-kitāb dengan sebenarnya supaya engkau menghukumkan antara manusia dengan apa yang diperlihatkan (difahamkan – P.) Kepada engkau dan janganlah engkau menjadi lawan bagi segala kaum-kaum yang khianat). Dan firman Allāh Ta‘ala: *wa anzalnā ilayka al-zikra litubayyina li al-nāsi mā nuzzila ilayhim wa la‘allahum yatafakkurūn* – (dan telah kami turunkan kepada engkau “al-zikra” (*al-Qur’ān* – P.) supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka berfikir, 44, Al-Nahl. Dan firman Allāh Ta‘ala: *wa mā anzalnā a‘layka al-kitāba illā litubayyina lahum al-ladhī akhtalafū fīhi*

*wahudā wa rahmatan liqawmi yu‘minūn*. – (dan tiada kami turunkan kepadamu kitab (ini, melainkan supaya engkau terangkan kepada mereka perkara yang mereka berselisihan padanya dan untuk menjadi petunjuk dan rahmah bagi orang-orang yang beriman), 64, Al-Nahl. Oleh kerana inilah Rasulullah (SAW) bersabda: *alā wa anni ūtū al-qur’āna wa mithlihi ma‘ahu* – (ketahui olehmu bahawasanya telah diberikan kepada aku *al-Qur’ān* dan besertanya yang menyerupainya. (-yakni: al-sunnah).

Ringkasnya, hendaklah engkau mencari tafsir *al-Qur’ān* dari *al-Qur’ān* sendiri. Jika tidak didapati dalam *al-Qur’ān* sendiri, carilah ke dalam al-sunnah sebagaimana Rasulullah (SAW) telah bersabda kepada Mu‘āz dalam masa Baginda mengutusnyanya ke negeri Yaman: *fabimā tahkum* – (maka dengan apa engkau akan memutuskan sesuatu perkara?). Mu‘āz menjawab: *bi kitābi Allāh* – (dengan Kitab Allāh). Nabi bertanya: *fa’in lam tajud?* – (jika tiada engkau dapati?), Mu‘āz menjawab: *bi sunnati Rasūl Allāh* – (dengan sunnah Rasūl Allāh). Nabi bertanya lagi: *fa inna lam tajud?* – (jika tiada engkau dapati?), Mu‘āz menjawab: *ijihad ra‘ī* – (saya akan menggunakan fikiran saya). Mendengar itu, Rasull Allāh (S) pun menepuk dada Mu‘āz sambil bersabda: *al-hamdu Allāh al-ladhī wafaqa Rasūl Rasūl Allāh limā yardā Rasūl Allāh* – (segala puji bagi Allah yang telah mentaufikkan utusan Rasulullah kepada yang diredhai Rasulullah).

Oleh itu, apabila tiada kita dapat tafsir dalam *al-Qur’ān* dan dalam al-sunnah, kembalilah kita kepada pendapat-pendapat sahabat Nabi kerana mereka lebih mengetahui yang demikian disebabkan mereka menyaksikan kerenah-kerenah dan keadaan-keadaan yang hanya mereka dapat mengetahuinya, dan kerana mereka mempunyai faham-faham yang sempurna, ilmu yang sah dan amal yang salih, istimewa ulama-ulama sahabat dan orang-orang besarnya, seperti khulafa’ al-rāshidīn dan Abd Allāh bin Mas‘ūd.

Ibnu Jarīr al-Ṭabarī berkata: diceritakan kepada aku oleh Abū Karīb dari . . . . . masrūq ujarnya: Kata Abd Allāh ibnu Mas‘ūd: “demi Allah yang tiada Tuhan selainnya, tiada turun sesuatu ayat *al-Qur‘ān*, melainkan aku ketahui terhadap siapa diturunkan dan di mana diturunkan. Sekiranya aku tahu ada seseorang yang lebih pandai tentang kitab Allāh daripada aku yang dapat didatangi dengan mengendarai kenderaan, nescaya aku datangnya”.

Al-‘Amāsha dari Abī Wā’il dari Ibnu Mas‘ūd, berkata: biasanya seseorang dari antara kami apabila telah mempelajari sepuluh ayat, tiada ia melampauinya sehingga ia mengetahui makna-makna ayat itu dan beramal dengannya”.

Dan diantara sahabat-sahabat Nabi yang terkenal sebagai ahli tafsīr Qur‘ān, ialah Abd Allāh ibn ‘Abbās. Diriwatkan oleh Al-Ṭabarī, bahawa ibn Mas‘ūd berkata: “*na‘am tarjamānu al-qur‘ānu, Ibn Abbās*” – (sebaik-baik orang yang mentafsirkan *al-Qur‘ān*, ialah: ibn ‘Abbās).

Ibn Mas‘ūd wafat pada 32H. Sedang Ibn ‘Abbās wafat 36H tahun sesudah wafatnya Ibn Mas‘ūd.

Tentang keahlian Ibn ‘Abbās dalam mentafsirkan *al-Qur‘ān*, diakui oleh sekalian sahabat Nabi. Al-‘I‘māsh meriwayatkan bahawa Saidina ‘Alī (khalifah al-muslimīn) pernah memerintahkan Ibn Abbās mengepalai angkatan haji. Ibnu ‘Abbās pun, dalam masa menjalankan tugasnya itu telah berkhotbah dan dalam khutbahnya telah membaca Surah al-Baqarah atau Surah al-Nūr, lalu ditafsirkannya dengan tafsīr yang sangat indah dan menarik. Sekiranya tafsir itu didengar oleh bangsa Rom, Turki dan Dailam (Da‘īlam), nescaya mereka akan memeluk Islam semuanya.

Mengenangkan ini seungguhlah mustahak kita mempelajari tafsir Ibn Abbās mengenai lafaz-lafaz *al-Qur‘ān* yang telah diriwatkan oleh Al-Buḥārī dari ‘Alī ibn Talḥah dari Ibn ‘Abbās bagi memudahkan pekerjaan, mustahak benar kita mempunyai kitab “*Mu‘jam Gharā’ib al-Qur‘ān*” yang disusun oleh al-Ustaz Muhammad Fū‘ād Abd Bāqī.

Ibn Taimiyyah, dalam Muqaddimah Usul Tafsīrnya, berkata: “Apabila engkau tidak dapati tafsir dalam *al-Qur‘ān* dan tidak engkau dapati dari sahabat, maka kembalilah kepada tābi‘īn. Kata Shub‘ah dan lain-lainnya: pendapat-pendapat tābi‘īn tidak menjadi hujah dalam soal furu‘, maka betapa menjadi hujah dalam soal tafsīr? Maksudnya pendapat tābi‘īn itu tak dapat dipakai bagi membantah pendapat orang. Ini benar. Akan tetapi apabila mereka telah berijma‘, maka tak dapat diragui lagi kebenarannya: jika mereka berselisih, tentulah pendapat sebahagian mereka tidak menjadi hujah bagi menolaj pendapat orang lain. Dalam hal yang demikian, kita hendaklah kembali kepada bahasa *al-Qur‘ān*, atau Al-Sunnah, atau umum bahasa Arab atau pendapat-pendapat sahabat”.

Ibnu Taimiyyah tidak membenarkan orang mentafsirkan *al-Qur‘ān* dengan kekuatan ijtihad seperti yang dilakukan oleh Al-Zamakhsharī. Bantahan Ibnu Taimiyyah ini, dapat kita terima, kalau mengenai ayat itu ada hadis, atau ada tafsir sahabat. Kalau tidak, maka tidak pada tempatnya kita tidak membolehkan orang mentafsirkan *al-Qur‘ān* dengan jalan ijtihad. Kerana tidak membolehkan orang memahamkan *al-Qur‘ān* dengan jalan ijtihad, walaupun dalam masa ketiadaan hadis atau ‘athar, bermakna menutup pintu orang memahamkan *al-Qur‘ān*.

Tentang kebolehan mentafsirkan *al-Qur‘ān* dengan jalan ijtihad telah dibenarkan oleh beberapa ulama besar. Diantaranya al-Imām al-Ghazālī. Akan tetapi, dengan syarat jangan terlalu mencari-cari tafsiran supaya sesuai dengan mazhab yang dipegang oleh pentafsir itu, baik mengenai pokok atau pun mengenai cabang”. (lihat kitab “Ahmad ibn Hanbal:211).